

Headline	Usman Awang dan mesej integrasi nasional		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	28	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	369 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,445
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,335



Usman Awang dan mesej integrasi nasional

*Sasterawan Negara
berkarya
perjuangkan
perpaduan*

Jurang antara kaum yang semakin luas pasca Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), khususnya antara Melayu dengan Cina, mengingatkan kita semula kepada mesej integrasi nasional Usman Awang. Sajaknya, *Anak Jiran Tionghua* menggambarkan bibit perpaduan antara Ah Chew dan jirannya, Iskandar. Ia melihat, dan berharap, bibit perpaduan itu akan mengukuhkan hubungan masyarakat pelbagai kaum masa depan.

Usman dilahirkan pada 12 Julai 1929 di Kuala Sedili, Kota Tinggi, Johor. Beliau pernah menjadi buruh paksa Jepun, berkhidmat sebagai anggota polis, dan wartawan. Umur terbaiknya diberikan kepada *Utusan Melayu* dan Dewan Bahasa dan Pustaka, melalui tugas sebagai pengarang dan pentadbir. Pada 1983 beliau dinobatkan sebagai Sasterawan Negara ketiga selepas Keris Mas dan Shahnnon Ahmad.

Kegiatan sastera rentas kaum

Usman meninggal dunia pada 29 November 2001, kira-kira 12 tahun yang lalu. Sumbangan Usman sebagai sasterawan boleh dilihat melalui beberapa dimensi. Satu daripadanya ialah aspek perpaduan, yang tergambar melalui beberapa buah puisinya, serta kegiatan sastera merentas kaum yang dipelopori atau disertai ketika hayatnya.

Dalam sebuah tulisannya yang menyentuh isu perpaduan, Usman antara lain menyebutkan: "Perpaduan tidak memberi erti kalau sekadar dalam

lafaz kata-kata semata. Perpaduan tidak wujud hanya dengan disuruh-suruh dan diseru-seru. Perpaduan harus diwujudkan atas kepentingan rakyat dan bukan kepentingan suatu pihak atau golongan saja."

Mesej perpaduan

Sejak zaman mudanya, Usman telah bergaul dengan rakan pelbagai bangsa, terutama mereka yang sehaluan dengan cita-cita realisme sosialisnya. Usia mudanya dalam tahun 1950-an juga menyaksikan latar sejarah pengisian kemerdekaan serta strategi pembangunan sosioekonomi negara yang rumit. Dalam beberapa karya Usman, mesej per-

paduan kadang-kadang lebih dirasai berbanding mesej ideologi anutannya.

Kini apabila dirasai jurang perkauman boleh mengancam keharmonian masyarakat Malaysia, beberapa orang teman dan pengkagum Usman menghidupkan kembali nama besar Usman serta mesej perpaduannya. Gabungan Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Huazong) baru-baru ini telah melancarkan Anugerah Integrasi Nasional Usman Awang (Usman Awang National Integration Award).

Beri penghormatan

Anugerah ini, menurut Tan Sri Pheng Yin Huah, Presiden Huazong, adalah untuk memberi penghormatan kepada individu dan pertubuhan bukan politik yang berusaha gigih memupuk integrasi serta keharmonian nasional. Huazong menghargai karya dan puisi Usman yang menggalakkan keharmonian serta perpaduan kaum tanpa mengira warna kulit, bangsa dan agama.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Nasional Hua-

Headline	Usman Awang dan mesej integrasi nasional		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	28	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	369 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,445
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,335

zong, Tan Sri Ng Teck Fong juga berkongsi pandangan sama dengan Presidennya.

Mengetahui inisiatif yang telah diambil oleh pertubuhan Cina ini, beberapa orang kenalan bertanya beberapa soalan kepada saya: Kenapa agensi kerajaan yang menangani isu integrasi nasional tidak mengambil tanggungjawab (memberi anugerah) ini, lebih-lebih lagi apabila isu perkauman masih dicanang dari semasa ke semasa? Adakah agensi kerajaan belum terfikir tentangnya? Dan jika agensi kerajaan memberi anugerah untuk tujuan ini, mahukan nama seorang Sassterawan Negara diabadikan?

Sajak dibaca masyarakat Cina

Yang telah mengambil satu langkah ke hadapan ialah pertubuhan Cina. Pastilah sajak *Anak Jiran Tionghua* Usman yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Mandarin dan dibaca agak meluas oleh masyarakat Cina, menjadi asas kepada kewujudan anugerah ini.

Anugerah ini terbuka kepada individu dan pertubuhan (bukan parti politik). Dua anugerah akan diberikan, iaitu 'Anugerah Perpaduan Cemerlang' bernilai RM100,000 dan sijil; serta lima 'Anugerah Perpaduan Gemilang', setiap satu bernilai RM10,000 beserta sijil.



E-mel ke bhrencana@mediaprima.com.my untuk berkongsi pendapat anda

“
Sejak zaman mudanya, Usman bergaul dengan rakan pelbagai bangsa, terutama mereka yang sealiran dengan cita-cita realisme sosialisnya. Usia mudanya dalam tahun 1950-an juga menyaksikan latar sejarah pengisian kemerdekaan serta strategi pembangunan sosioekonomi negara yang rumit. **Dalam beberapa karya Usman, mesej perpaduan kadangkadangkang lebih dirasai berbanding mesej ideologi anutannya**”

Headline	Usman Awang dan mesej integrasi nasional		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	28	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	369 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,445
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,335



**Dr Anwar
Ridhwan**

Penulis
ialah Sasterawan
Negara dan
Pensyarah Fakulti
Penulisan Kreatif
ASWARA